

UMS tuan rumah seminar a-bangsa Sains Marin

MS7 03.03.2012 2

KOTA KINABALU: Institut Penyelidikan Marin Borneo, Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan Seminar Antarabangsa Mengenai Sains Marin & Akuakultur selama tiga hari di sini mulai 13 Mac.

Menurut satu kenyataan UMS kelmarin, seminar itu bertemakan “Pembangunan dan Pengurusan Lestari Sumber Akuatik Dalam Perubahan Iklim”.

Di samping dua ucaptama oleh tokoh terkenal dalam bidang berkenaan, lebih 100 peserta dari seluruh dunia akan membuat pembentangan pada dua sesi yang diadakan serentak.

Pemilihan kertas kerja dibuat berdasarkan unsur tematik atau teknikal, terutama mengikut perspektif penyelesaian masalah.